

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan apakah perkembangan terbaru program Kementerian untuk  
OKU.

## **JAWAPAN:**

Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh orang kurang upaya (OKU). Pelbagai program telah diadakan dari masa ke masa bagi memperkasa OKU untuk hidup berdikari dalam masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai program. Antara program yang terbaru adalah seperti berikut:

### **i. *Economic Empowerment Programme* (EEP) di Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**

Program Pemerksaan Ekonomi (EEP) di PDK merupakan suatu program yang bertujuan menjana pendapatan pelatih OKU di PDK. Sasaran program adalah OKU dewasa yang berada di PDK. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kebolehan, keupayaan, kemampuan serta kemahiran bagi petugas PDK dan OKU dewasa mengikut potensi yang ada dalam diri mereka serta sebagai suatu kaedah untuk memberi pekerjaan kepada OKU di PDK. Selain itu,

program ini juga memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa OKU adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak yang sama dalam pembangunan komuniti. Program ini bertujuan untuk menjana pendapatan OKU dengan menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi. Antara kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan adalah jahitan baju kurung, sulaman *name tag* dan tuala, pembuatan beg, sarung kusyen, cadar dan sebagainya. Sejak tahun 2010, seramai 629 OKU telah terlibat dalam program EEP.

## ii. TASKA OKU

Penubuhan 6 buah Taska OKU pada tahun 2013 yang melibatkan peruntukan Kerajaan berjumlah RM 3 juta adalah satu lagi komitmen terbaru Kerajaan sebagai langkah penyediaan intervensi awal kepada kanak-kanak OKU. Taska-taska tersebut adalah seperti berikut:

- a) TASKA OKU Sindrom Down (Putrajaya)
- b) TASKA OKU Fizikal (Kota Kinabalu)
- c) TASKA OKU Masalah Pembelajaran (Ipoh)
- d) TASKA OKU Autisme (Sibu)
- e) TASKA OKU Masalah Pendengaran (Puchong)
- f) TASKA OKU Masalah Penglihatan (Pulau Pinang)

JKM telah menerima peruntukan berjumlah RM1,440,000 melalui Bajet 2015 bagi tujuan membiayai kos operasi TASKA OKU di atas.

### **iii. Program Kumpulan Advokasi Diri OKU di Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**

Program Kumpulan Advokasi Diri OKU di PDK merupakan suatu program yang dijalankan bertujuan menghasilkan masyarakat OKU yang inklusif, tanpa halangan sama ada dalam bentuk sikap mahupun persekitaran dan berteraskan kesamarataan hak dengan lain-lain anggota masyarakat ke arah kehidupan berdikari. Sasaran program adalah untuk menggalakkan OKU dewasa yang berada di PDK dapat mewujudkan Kumpulan Advokasi Diri dan menggerakkan masyarakat untuk menubuhkan Kumpulan Penyokong bagi Kumpulan Advokasi Diri OKU. Sejak tahun 2011, sebanyak 26 Kumpulan Advokasi Diri OKU telah ditubuhkan melibatkan 34 buah PDK di seluruh Malaysia.

Kesimpulannya, Kementerian telah melaksanakan pelbagai program dari semasa ke semasa bagi memperkasa OKU untuk hidup berdikari supaya golongan OKU tidak ketinggalan dalam mengejar arus pemodenan dan dapat bergaul mesra dengan masyarakat sekeliling.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
DARIPADA MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dana PTPTN yang telah dikeluarkan semenjak penubuhannya. Dari jumlah ini berapa peratus dana ini digunakan untuk membiayai penuntut IPTS dan IPTA. Adakah pihak Kementerian masih perlu menambah modal dana tersebut dan berapa tambahannya mengikut tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Ogos 2014, sejumlah 2,126,632 pinjaman dengan pembiayaan sehingga pelajar tamat pengajian sebanyak RM47.79 bilion telah diluluskan oleh PTPTN. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM39.28 bilion telah dikeluarkan kepada pelajar. Sebanyak 51% dana pembiayaan digunakan bagi membiayai pelajar IPTA manakala 49% lagi kepada pelajar IPTS melibatkan keperluan peruntukan sebanyak RM5.0 hingga 5.5 bilion setahun.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
DARIPADA MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris mahasiswa dan graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sentiasa berusaha untuk memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa melalui kaedah-kaedah seperti berikut:

- i) Penawaran kursus-kursus kemahiran bahasa Inggeris yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa tersebut. Jumlah jam kredit serta jenis kursus yang ditawarkan kepada setiap pelajar adalah berdasarkan keputusan pelajar tersebut di dalam *Malaysia University English Test* (MUET) yang diambil sebelum memasuki IPTA;

- ii) Menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sesi tutorial, pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan lain-lain sesi pembelajaran tidak formal;
- iii) Menawarkan kursus-kursus elektif bahasa Inggeris sebagai kursus pilihan untuk pelajar;
- iv) Menggalakkan pelajar lemah untuk mengikuti kursus jangka pendek/klinik bahasa semasa cuti semester;
- v) Menggalakkan aktiviti ko-kurikulum dalam bahasa Inggeris seperti melaksanakan minggu/bulan bahasa Inggeris, *English Language Camp* serta beberapa program lain yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan pelajar dari semasa ke semasa, dan
- vi) Penilaian kemahiran insaniah yang meliputi kemahiran berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris.